

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PM: DUA PILIHAN UNTUK PEGAWAI KERAJAAN

KUALA LUMPUR, Khamis — Kakitangan kerajaan akan diberi peluang memilih sama ada akan kekal dalam kerajaan atau bekerja dengan pihak swasta dalam rancangan pengswastaan beberapa perkhidmatan kerajaan tidak lama lagi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika memberi jaminan itu berkata, dalam rancangan itu kerajaan tidak berniat untuk memburukkan nasib seselapa.

"Rancangan pengswastaan terpaksa dijadikan satu alternatif bagi kerajaan kerana khidmat yang dimiliki oleh kerajaan sudah bertukar corak dan memerlukan perbelanjaan amat tinggi," katanya.

Menurutnya, dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang, kerajaan mempunyai tiga pilihan iaitu: Pertama, menangguhkan pembangunan; kedua, berhutang atau ketiga, menyerahkan setengah tugas kepada swasta.

"Jika pembangunan ditangguhkan, negara dan rakyat tidak akan maju. Jika hutang terlalu banyak, beban kewangan negara akan meningkat sehingga tidak dapat dipikul. Sebab itulah, untuk beberapa bidang, kerajaan memilih untuk menswastakan perkhidmatannya," jelas Datuk Seri Dr Mahathir.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi jaminan ini ketika berucap merasmikan konvensyen tiga tahun sekali Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) di sini.

Bellau berharap pekerja tidak cuba menggunakan objektif kerajaan untuk meminta lebih dari hak mereka, seperti berlaku dengan beberapa pihak.

"Janganlah ganggu pembangunan negara untuk rakyat kerana terlalu mengutamakan kepentingan diri sendiri. Sikap demikian akan mengganggu pembangunan negara, dan jika pembangunan negara terganggu, akhirnya pekerja sendiri yang akan rugi," tegasnya.

Menentukan kejayaan

Bellau menegaskan, tujuan kerajaan mengesyorkan penubuhan kesatuan sekerja dalam syarikat adalah bagi memastikan majikan dan pekerja mewujudkan hubungan sebagai dua rakan.

Katanya, jika 'in-house union' diamalkan bersama dengan "pekerjaan seumur hidup" dan bayaran bonus pula mengikut paras keuntungan yang didapati, besar kemungkinan tindakan yang tidak bertanggungjawab oleh pihak majikan atau kesatuan tidak berlaku.

Sebagai rakan, majikan dan pekerja menghadapi masalah dan nasib yang sama, tegasnya.

"Anggapan majikan bahawa pekerja boleh digurkan bila-bila masa jika rugi, dan anggapan pekerja bahawa mereka boleh meninggalkan satu majikan untuk pergi bekerja dengan majikan lain bila gaji ditawarkan lebih sedikit, adalah salah belaka.

"Oleh kerana majikan dan pekerja adalah rakan perkongsian dan bukan musuh, kerajaan pula perlu mengubah sikap, undang-undang dan cara bertindak terhadap kedua-dua pihak," tegasnya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, dalam 'in-house union' pekerja-pekerja tidak dibahagikan mengikut perusahaan, tetapi sebaliknya semua pekerja adalah ahli kesatuan sebuah syarikat.

"Nasib mereka terikat dengan kuatnya kepada maju mundurnya syarikat. Terpulanglah kepada mereka untuk menentukan kejayaan syarikat mereka," tambahna.

Namun demikian, Perdana Menteri mengingatkan bahawa sesuatu sistem itu tidak menjamin kejayaan kerana yang memberi kesan ialah mereka yang menyertainya.

"Tetapi, kemungkinan 'in-house union' berjaya dalam zaman moden ini adalah lebih tinggi dari sistem kesatuan sekerja yang impersonal, yang diasaskan kepada anggapan bahawa pekerja dan majikan adalah musuh."

Menyentuh tentang beberapa tuntutan Cuepacs, khususnya semakan gaji dan elaun sewa rumah untuk kakitangan kerajaan berpendapatan rendah dan sederhana, Perdana Menteri berkata kerajaan akan menimbangannya bila tiba masanya.

No.
No.